

AS serang Venezuela

Malaysia bantah tindakan AS

Operasi ketenteraan pelanggaran jelas undang-undang antarabangsa

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, penahanan Presiden Venezuela, Nicolas Maduro dan isteri, Cilia Flores, dalam satu operasi ketenteraan Amerika Syarikat (AS) adalah pelanggaran jelas terhadap undang-undang antarabangsa.

Lantaran itu, Perdana Menteri menuntut supaya pemimpin negara terbabit dibebaskan dengan segera.

Beliau yang menyifatkan tindakan AS itu sebagai luar biasa dari segi skop dan sifatnya, adalah satu penggunaan kekerasan secara tidak sah terhadap sebuah negara berdaulat.

“Presiden Maduro dan isterinya mesti dibebaskan tanpa sebarang kelewatan yang tidak wajar. Walau apa pun alasannya, penyingkiran secara paksa seorang ketua kerajaan yang sedang memegang jawatan melalui campur tangan luar mewujudkan satu dluhan yang berbahaya.

“Ia menghakis sekatan asas terhadap penggunaan kuasa antara negara dan melemahkan kerangka undang-undang yang menjadi asas kepada ketertiban antarabangsa,” tegas Perdana Menteri menerusi kenyataan di media sosial semalam.

Kelmarin, pasukan khas tentera AS melancarkan serangan ke atas Venezuela sebelum menangkap Maduro dan Flores, sebelum dibawa keluar secara paksa dari-negara itu.

Untuk rekod, AS tidak pernah campur tangan secara langsung seumpama itu di rantau Amerika Latin, sejak pencerobohan ke atas Panama pada 1989 bagi menggulingkan pemimpin tentera, Manuel Noriega.

Media antarabangsa semalam, melaporkan Maduro dan isterinya sudah didakwa di Mahkamah Daerah Selatan New York



Penyokong Presiden Venezuela membantah tindakan AS menahan Maduro dan isterinya pada perhimpunan di Caracas.

(Foto AFP)

atas pelbagai pertuduhan jenayah, termasuk narko-keganasan membabitkan perdagangan dadah haram.

Mengulas lanjut, Anwar menegaskan rakyat Venezuela berhak menentukan masa depan politik mereka sendiri tanpa campur tangan kuasa luar.

Beliau berkata, berdasarkan sejarah, perubahan kepemimpinan secara mendadak yang dicetuskan melalui kekerasan luar akan membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan, terutama di sebuah negara yang bergelut dengan kesukaran ekonomi berpanjangan dan tekanan sosial yang mendalam.

Malaysia katanya, memandang tinggi penghormatan terhadap undang-undang antarabangsa dan kedaulatan sebagai teras hubungan aman antara negara.

“Pembabitan secara konstruk-

tif, dialog dan usaha meredakan ketegangan kekal sebagai jalan berwibawa ke arah penyelesaian yang melindungi orang awam dan membolehkan rakyat Venezuela mengejar aspirasi sah mereka tanpa menanggung kumudarat berlanjutan,” katanya.

Fokus keselamatan warganegara Malaysia

Sementara itu, Wisma Putra dalam kenyataannya, berkata ketutamaan Kementerian Luar ketika kekal tertumpu kepada keselamatan dan kebajikan warga Malaysia yang berada di negara itu.

Menurutnya, Kedutaan Besar Malaysia di Caracas telah menghubungi rakyat Malaysia yang berdaftar di negara itu dan mengesahkan semua mereka berada dalam keadaan selamat dan telah dikenal pasti.

“Kedutaan sedang memantau rapi keadaan di lapangan dan bersiap sedia untuk memberikan bantuan konsular yang diperlukan sekiranya situasi memerlukan,” tambah kenyataan itu.

Rakyat Malaysia di Venezuela yang memerlukan bantuan konsular boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Caracas melalui telefon di 58-212-720 4257 atau e-mel ke mwcaracas@kln.gov.my.

Kementerian Luar akan terus memantau perkembangan itu secara aktif dan mengeluarkan maklumat lanjut sekiranya perlu.

“Rakyat Malaysia di Venezuela dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada, mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan dan sentiasa berhubung rapat dengan pihak Kedutaan,” menurut kenyataan itu.